




KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami: JPA(SARAAN)(S)1619 Klt.16(93)

Tarikh : // Ogos 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PENJELASAN MENGENAI KEPERLUAN BEKERJA LEBIH MASA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, Perintah Am 11 Bab G memperuntukkan bahawa seseorang pegawai boleh diarah untuk bekerja lebih daripada masa bekerja biasa yang ditetapkan baginya. Pegawai yang diarah bekerja lebih masa boleh diberi Bayaran Lebih Masa mengikut tempoh bekerja lebih masa tersebut atau Cuti Gantian jika pegawai mempunyai 9 jam tempoh bekerja lebih masa.

3. Arahan untuk bekerja lebih masa tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Kerja lebih masa hanya dilakukan apabila keadaan memerlukan sahaja sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 seperti berikut:

- a. kerja-kerja kecemasan yang berkaitan dengan pemulihan semula perhubungan atau perkhidmatan yang terputus atau terganggu;
- b. kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan kepada hari berikutnya oleh sebab penangguhan itu boleh memudaratkan perkhidmatan;
- c. kerja-kerja yang dikehendaki dibuat oleh pegawai melebihi daripada bidang tugas biasanya; dan
- d. kerja-kerja yang perlu diuruskan dalam jangka masa terhad.


4. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini terdapat kes di mana Ketua Jabatan mengarahkan pegawai melakukan kerja lebih masa tetapi tidak dibayar Bayaran Lebih Masa kerana kekangan peruntukan kewangan. Sebagai gantinya, pegawai diberi kemudahan Cuti Gantian. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pegawai yang terlibat.

5. Oleh yang demikian, Ketua Jabatan hendaklah memastikan arahan bekerja lebih masa dikeluarkan bila sesuatu tugas itu benar-benar perlu dilakukan secara lebih masa seperti yang dijelaskan di perenggan 3 di atas. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan jabatan mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi bagi tujuan membayar Bayaran Lebih Masa tersebut.

6. Semua pegawai Perkhidmatan Awam termasuk Ketua Jabatan perlulah mengoptimum dan menguruskan masa bekerja dengan sebaik mungkin bagi memastikan semua tugas yang ditetapkan dapat dilakukan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan